

18/01/2000

Proses memulihkan perpaduan Umno lebih penting

Kamal Ahmad

PERHIMPUNAN Agung Umno pada 11 Mei ini tidak seharusnya dijadikan alasan bahawa parti perlu membuktikan `amalan demokrasi' dengan membenarkan pertandingan bagi semua jawatan pada peringkat cawangan, bahagian mahupun Majlis Tertinggi (MT).

Mesej MT supaya dua jawatan tertinggi - Presiden dan Timbalan Presiden Umno, tidak ditandingi perlu dicerna dan diinsafi. Cadangan itu dicapai sebulat suara dalam mesyuarat MT dua minggu lalu. Justeru, tidak berbangkit soal ada ahli MT mengusulkan cadangan itu atau ada desakan supaya ia dicadangkan. Juga tidak berbangkit soal cadangan itu tidak perlu dihormati kerana `tidak ada disebut dalam perlembagaan'.

Negara baru pulih dan bangkit semula selepas ekonominya rebah dilanda kegawatan sejak akhir 1997. Kemudian, kerajaan melalui tempoh kempen pilihan raya yang `sangat mencemas dan meletihkan' gara-gara kegawatan itu. Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi Umno sebaliknya kini berhadapan dengan perubahan mendadak ahli, pengundi dan sebilangan warga muda negara yang cenderung dan mempercayai dakyah pembangkang.

Krisis Umno pada 1987 menyaksikan sebahagian ahli terbabit dengan Team B keluar parti. Ini tidak memeningkan kepala Team A selaku penerus Umno. Tetapi kesan kempen pembangkang dan gerombolan reformasi yang bergabung menjadi satu `pakej peluru' baru-baru ini, menyaksikan Umno serta BN terpaksa bekerja keras malah cemas ketika melalui proses pilihan raya ke-10 lalu. Umno juga berhadapan dengan `pembelot yang duduk diam dan enggan keluar parti' sehingga menjadi duri dalam daging atau api dalam sekam mahupun anai-anai.

Oleh itu, dua alasan ini sudah cukup bagi menyedarkan bahawa Umno tidak lagi boleh berpecah dan membiarkan sesetengah pemimpin kanan menghabiskan masa berkempen. Kekukuhan tubuh parti dan kerajaan harus diutamakan berbanding jawatan. Sebagai parti tunjang dalam politik negara, apa juga yang berlaku terhadap Umno akan memberi kesan.

Daripada senarai pemimpin yang menawarkan diri atau berminat menduduki tiga kerusi di barisan kedua kepimpinan tertinggi Umno, didapati ada calon yang tidak layak tetapi merasakan dirinya layak. Dalam hal ini, tindakan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, menarik balik hasrat untuk bertanding Naib Presiden, sangat dihormati. Beliau mengakui dirinya hanya `gurkha' dan hasrat awal bertanding cuma berdasarkan keadaan ketika itu tidak ramai yang mengisytiharkan diri hendak menjadi calon.

Selain desakan pengikut atau sokongan ahli, empunya diri wajar menilai desakan dan sokongan itu. Apakah ia tulen atau ada udang di sebalik batu. Selain itu, nilaikan diri sendiri secara ikhlas dan terbuka sama ada layak jadi calon sesuatu jawatan atau tidak.

Soalnya, apakah sekatan bertanding kepada calon yang tidak layak tidak dianggap demokrasi? Ini kerana kehadiran calon berkenaan dalam gelanggang pasti menambah sengit keadaan sedangkan calon itu sebenarnya bersikap lebih demokrasi dan `mesra parti' jika dia tidak bertanding. Jika ada calon tidak berwibawa tetapi mahu meneruskan hasrat memasuki gelanggang, dia bukan saja bercita-cita besar malah degil sehingga sanggup memperjudikan masa depan parti.

Mesej supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno tidak ditandingi perlu dikaji sedalam-dalamnya. Ia antara lain, bagi memberi ruang kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, memberi tumpuan kepada kerja lain khususnya memperkukuh ekonomi

dan kerajaan. Andainya tidak ada tolak-ansur bagi jawatan ini, kesan kurang tumpuan oleh kedua-dua pemimpin itu kepada perkara berkenaan bukan saja menjejaskan parti malah negara keseluruhan.

Justeru, ahli harus lebih fleksibel, toleransi, rasional dan panjang akal berhubung mesej MT Umno. Ini kerana cadangan mengasingkan dua jawatan itu daripada pertandingan dan peringatan supaya sebarang perebutan bagi jawatan Naib Presiden dilakukan pada tahap minimum bukan untuk membunuh demokrasi dalam Umno. Syor ini dibuat demi mahu melihat parti Umno lebih stabil selepas mengalami 'kecederaan' akibat beberapa insiden baru-baru ini.

Sesungguhnya, Umno ada tugas berat bagi memastikan kesinambungan parti, orang Melayu dan negara. Mereka perlu turun padang bagi menjalin semula hubungan dengan akar umbi yang terjejas akibat beberapa kekeliruan dan isu.

Jika tempoh tidak sampai lima bulan sehingga 12 Mei ini digunakan untuk berkempen, adalah lebih baik jika masa itu digunakan untuk memperkukuhkan parti di peringkat akar umbi, cawangan dan bahagian. Umno tidak ada masa lagi untuk politiking sesama sendiri kerana musuh di luar kini memiliki satu 'momentum' yang boleh menjejaskan Umno.

Menilai kesan kempen, ia mewujudkan keretakan kalau pun tidak perpecahan. Proses pemulihan pasti menagih masa, kos, tumpuan dan tenaga yang banyak sedangkan tempoh 'proses pembetulan' bagi membolehkan Umno dan BN menghadapi pilihan raya umum ke-11 pada 2004 dengan selesa, sangat terhad, pendek dan kritikal.

(END)